

SULIT

NAMA : TINGKATAN:.....

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
KUALA LUMPUR

MODUL *TOP 5* KUALA LUMPUR 2026
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
BAHASA MELAYU 1103/1
TINGKATAN 5
Kertas 1
2 jam



JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU



1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. *Kertas jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*



Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

BAHAGIAN A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.**Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat tentang stres.**Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang stres dalam kalangan masyarakat Malaysia.**Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

BAHAGIAN B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Timbalan Perdana Menteri menegaskan bahawa pendekatan strategik secara menyeluruh perlu digembleng bagi menarik minat generasi muda terhadap sektor pertanian. Langkah strategik seperti memperkenalkan teknologi dalam sektor pertanian perlu dikembangkan secara menyeluruh bagi memastikan kelestarian dalam sektor ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
www.astroawani.com

Huraikan langkah yang dinyatakan dalam petikan berserta langkah-langkah lain untuk menarik minat generasi muda menceburi sektor ini.

2

Pencemaran plastik kini begitu serius. Kira-kira 430 juta tan plastik dihasilkan setahun dan dua pertiga daripadanya ialah plastik sekali guna. Sektor pembungkusan menghasilkan sisa plastik sekali guna terbesar di dunia. Sisa plastik yang sukar dilupuskan akhirnya menjadi sampah sarap yang mencemarkan alam sekitar. Selain itu, masalah penggunaan plastik secara berlebihan juga menyumbang kepada masalah tersebut. Hal ini memerlukan usaha pelbagai pihak.

Dipetik dan diubah suai daripada
ikim.gov.my

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan usaha-usaha untuk mengatasi masalah tersebut.



3

Menurut data daripada pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, industri pelancongan di Malaysia menyumbang lebih daripada 3.5 juta pekerjaan pada tahun 2025. Hal ini terbukti apabila industri pelancongan dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan. Contohnya, di Pulau Langkawi, banyak penduduk tempatan yang terlibat dalam industri pelancongan sebagai pekerja atau usahawan.

Dipetik dan diubah suai daripada
melancong.my

Huraikan manfaat-manfaat industri tersebut kepada masyarakat dan negara.

4

Karya sastera yang digunakan sebagai bahan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bagi meningkatkan minat membaca murid-murid. Namun minat terhadap pembacaan karya sastera dalam kalangan murid berada pada tahap yang rendah. Hakikatnya, melalui karya sastera, murid-murid dididik agar berfikiran positif supaya mereka dapat menjadi individu yang berwawasan.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Karya Sastera Kurang Difahami",
Dewan Budaya.

Bincangkan peranan pelbagai pihak untuk menggalakkan murid-murid membaca karya tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT